

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU
PANJANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan
hutang negara terkini serta pemiutang dan jumlah pembayaran balik
yang telah dibuat mengikut tahun sehingga sekarang.

JAWAPAN

Hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2014 yang
diperoleh dari dalam negeri dan luar pesisir. Maklumat terkini, pada akhir
Disember 2014, hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM582.8
bilion atau 54.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada
jumlah berkenaan, 97.1% atau RM566.1 bilion adalah hutang domestik,

sementara bakinya RM16.8 billion atau 2.9% merupakan pinjaman luar pesisir.

2. Pembayaran balik hutang adalah dibuat berdasarkan kepada jadual pembayaran yang telah ditetapkan oleh pemegang bon, sukuk serta pemberi hutang yang lain. Sepanjang tahun 2014, sejumlah RM66.5 billion hutang telah dibayar balik, yang meliputi hutang yang diperoleh dari sumber domestik dan juga luar pesisir.